

Headline	Penerima dua dos dapat kelonggaran		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	6
ArticleSize	433 cm ²	Journalist	NOR IDAYU BOSRO
PR Value	RM 33,711		



PM beri bayangan individu lengkap vaksinasi bakal peroleh keistimewaan

Penerima dua dos dapat kelonggaran

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi bayangan individu yang lengkap dua dos suntikan vaksin Covid-19 akan memperoleh 'keistimewaan' melalui beberapa kelonggaran tertentu yang boleh diberikan kepada mereka.

Beliau berkata, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) diminta untuk mempertimbangkan pergerakan individu lengkap divaksinasi dengan memberi kelonggaran dari segi perjalanan, pergi ke kedai atau makan di restoran.

"Ini untuk menunjukkan bahawa sementara kerajaan menguruskan Covid-19, kehidupan rakyat sedikit demi sedikit akan kembali semula seperti masa lepas.

"Ini merupakan inisiatif ke depan dan tempoh jangka masa ikut Pelan Pemulihan Negara (PPN) itu, hanya sehingga akhir tahun," katanya selepas meninjau pusat penyimpanan dan agihan Bakul Prihatin Negara di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) di Putrajaya semalam.



MUHYIDDIN

Program itu turut disiarkan secara langsung menerusi program Selamat Pagi Malaysia di Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Dalam tinjauan itu, Perdana Menteri menerima sumbangan bernilai RM16 juta daripada lima syarikat korporat untuk menjayakan program Bakul Prihatin Negara iaitu inisiatif terbaharu cetusan idea beliau sendiri bagi membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Syarikat berkenaan ialah Yayasan Petronas dengan sumbangan bernilai RM5 juta, AEON Big (RM4 juta), Pharmaniaga (RM3 juta), Tenaga Nasional Berhad (RM2 juta) dan Telekom Ma-



PENDUDUK Orang Asli menerima vaksin pada Program Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak Komuniti Orang Asli di Balai Raya Kolam Air Bangkong, Sepang semalam. – FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

laysia (RM2 juta).

Kolaborasi bersama syarikat korporat itu menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan untuk Bakul Prihatin Negara berjumlah RM21 juta termasuk RM5 juta yang diperuntukkan dalam Program Bantuan Bakul Makanan sebelum ini.

Sementara itu, Perdana Menteri turut meminta rakyat supaya

bersabar dan tidak mempercayai kempen kerajaan gagal menguruskannya krisis Covid-19.

"Jangan kata kerajaan tak bagi tumpuan. Jangan sekali-kali percaya dengan kempen kerajaan gagal, (minta maaf saya tidak bercakap politik di sini) tapi yakin dengan kerjasama kita, pimpinan dalam kerajaan serta rakyat dan NGO (pertubuhan bukan kera-

jaan) bahawa kita boleh menang menghadapi peperangan ini," katanya.

Berhubung pemberian bakul makanan, Perdana Menteri berkata, kerajaan telah mengagihkan sejumlah 1.4 juta bakul makanan kepada 5.6 juta isi rumah yang terjejas dan terkesan akibat Covid-19 sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dilaksanakan Mac tahun lalu.

Katanya, peruntukan sebanyak RM300,000 untuk setiap Ahli Parlimen tanpa mengira parti politik turut disalurkan bagi tujuan penyediaan 666,000 bakul makanan yang melibatkan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM66.6 juta untuk 2,664,000 rakyat di seluruh negara.

Sementara itu, kelmarin, jumlah suntikan vaksin harian mencatatkan angka tertinggi dengan melebihi 434,000 dos di seluruh negara.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, suntikan harian itu dijangka terus bertambah susulan pertambahan jumlah vaksin yang diterima dalam tempoh terdekat.